

07 OCT 2001

Rais-Negara Islam

MALAYSIA TELAH MARA JAUH SEBAGAI SEBUAH NEGARA ISLAM

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Malaysia telah mara jauh ke depan sebagai sebuah negara Islam, kata Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim hari ini.

Beliau berkata, Malaysia telah melaksanakan pelbagai rukun Islam seperti undang-undang syariah dan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran serta infrastruktur.

"Walaupun tiada definisi khusus mengenai apa yang dimaksudkan dengan negara Islam, apa yang Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad telah berkata sudah cukup untuk membolehkan tatanama itu digunakan bagi negara ini," kata beliau kepada pemberita selepas majlis Hari Keluarga Ampang Jaya di Dewan Serbaguna di sini.

Dr Mahathir Mohamad semasa perhimpunan agung tahunan Gerakan pada 29 Sept lepas berkata bahawa Malaysia ialah sebuah negara Islam.

Ini seterusnya diperakui oleh parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) tetapi laporan akhbar hari ini memetik Pengerusi DAP Lim Kit Siang sebagai mempersoalkan bagaimana dan bila Malaysia beralih daripada sebuah negara sekular kepada sebuah negara Islam.

Kit Siang memetik kenyataan Perdana Menteri pertama Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang mengisytiharkan di Parlimen bahawa Malaysia bukan sebuah negara Islam seperti tanggapan umum tetapi Islam adalah agama rasmi negara.

Dalam mengulas mengenai ini, Rais berkata Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan, bersama pelaksanaan mahkamah syariah, kuasa sultan dan pentadbiran Islam di negara ini adalah cukup untuk menyimpulkan Malaysia ialah sebuah negara Islam.

"Jangan terkeliru dengan desakan PAS yang mahu tatanama itu dimasukkan dalam perlembagaan sedangkan peruntukan dalam artikel 3 dan 11 perlembagaan sudah memadai, oleh itu tidak perlu mengusiknya," kata beliau.

"Saya mahu menyatakan di sini yang Fasal 3 perlembagaan persekutuan adalah lebih daripada cukup untuk menyatakan yang negara ini adalah sebuah negara Islam tetapi ia tidak bermakna hak, keistimewaan dan kedudukan yang dinikmati oleh agama lain terjejas dalam apa juga cara," katanya.

Rais juga berkata kenyataan Tengku dibuat mengikut konteks pada waktu itu dan apa yang berlaku selepas beliau berundur adalah lebih daripada saya atau anda boleh katakan.

-- BERNAMA

AT PR